



JADUAL IMAM/BILAL BERTUGAS PADA 13/2/2009

USTAZ HASBULLAH BIN SELAH @ SALIM - IMAM 1

USTAZ MOHD AL HAFIZ BIN ASRI - BILAL

(Tajuk Khutbah : Muhasabah Memperkukuhkan Jati Diri Ummah)

JADUAL SOLAT HARI INI

SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	IMSAK
6.07	7.24	1.27	4.46	7.28	8.38	5.57

No. Tel : 06-284 1142 Faks : 06-286 0435 Website : www.al-azim.com Email : maazim@streamyx.com

Bil. 7/2009

Tarikh: 13 Februari 2009 / 17 Safar 1430H

PERCUMA

Tazkirah

RAHSIA LUQMAN AL-HAKIM DALAM MENDIDIK ANAK

Sambungan dari minggu yang lepas

Ibnur Abdur-Bar melaporkan di dalam kitab Bahjah Al-Majalis sebuah senandung syair yang berisi hikmah dan wasiat Luqman kepada puteranya seperti berikut:

Apabila kamu mendekati orang yang mempunyai kekuasaan

Maka hendaknya yang ada sebuah bangku antara kamu dan dia

Kerana jangan-jangan akan datang seseorang lainnya

Yang menurut dia lebih mulia daripada dirimu

Dia pun lalu menyingkirkanmu

Tentu saja dia akan menjatuhkan nama baikmu

Berikut disediakan nasihat-nasihat Luqman kepada puteranya:

1. Nasihat Luqman berkenaan sifat tamak, rakus dan marah Luqman berkata, "Anakku, jauhilah sifat tamak dan rakus. Sifat tamak dan rakus hanya menjauhkan sesuatu yang sudah dekat dan menghilangkan hikmah yang sudah berada di hati. Puteraku, jauhilah kemarahan yang berlebihan kerana kemarahan berlebihan yang merosakkan hati seorang yang bijak."
2. Nasihat Luqman berkenaan cara berbicara Luqman berkata, "Puteraku, bicaralah dengan baik-baik dan buatlah wajahmu berseri-seri. Jika itu kamu lakukan pasti kamu akan lebih disukai oleh orang ramai daripada orang yang memberi mereka:"
3. Nasihat Luqman berkenaan sifat ramah Luqman berkata, "Ramah adalah pangkal hikmah."
4. Nasihat Luqman berkenaan benih kebaikan Luqman berkata, "Apa yang kamu tanam, pasti

kamu akan mendapat hasil."

5. Nasihat Luqman berkenaan teman Luqman berkata, "Cintailah temanmu dan teman bapamu.
6. Nasihat Luqman berkenaan memfitnah Luqman berkata, "Allah akan menceraikan tulang orang-orang yang membicarakan hawa nafsu sesamanya."
7. Nasihat Luqman berkenaan mengamalkan ilmu Luqman berkata, "Kamu tidak mempunyai kebajikan apa pun jika kamu mengetahui sesuatu yang sebelumnya kamu tidak ketahui, tetapi kamu tidak mahu mengamalkan sesuatu yang kamu ketahui itu. Perumpamaan orang seperti ini adalah seperti seorang yang mengumpul kayu bakar lalu mengikatnya dalam satu ikatan dan pergi membawa ikatannya itu. Sepatutnya ia tidak mampu membawanya namun ia terus menambah ikatan lainnya.
8. "Nasihat Luqman berkenaan sikap diri sendiri dan orang lain Luqman berkata, "Siapa sahaja yang dapat mengambil pengajaran daripada dirinya sendiri maka dia akan mendapat penjagaan daripada Allah. Siapa sahaja yang tetap berlaku adil kepada orang lain walaupun merugikan dirinya sendiri maka dengan itu Allah akan membuat ia semakin mulia. Berasa hina dalam mematuhi perintah Allah adalah lebih patut dilakukan daripada berbangga dengan kemaksiatan.
9. Nasihat Luqman berkenaan Allah dapat ditemui dengan mengamalkan ilmu. Luqman berkata,



HIMPUNAN KISAH TELADAN PARA NABI & RASUL UNTUK PUTERA-PUTERI MUSLIM



Sambungan dari minggu lepas

Nabi Sulaiman ingin menambahkan ancaman dan rasa takut kepada Balqis dan rakyatnya, sehingga mereka tidak sombong dan mahu tunduk kepada Allah S.W.T. Untuk itu, Nabi Sulaiman berkata kepada bala tentera jin: "Siapakah di antara kamu sekalian yang sanggup membawa singgahsana Balqis sebelum mereka datang kepadaku sebagai orang-orang yang berserah diri."

Jin Ifrit berkata: "Aku akan datang kepada kamu dengan singgahsana itu sebelum kamu berdiri dari tempat duduk kamu. Sesungguhnya aku benar-benar kuat untuk membawanya lagi dapat dipercaya."

Seorang yang mempunyai ilmu dari al-Kitab berkata: "Aku akan membawa singgahsana itu sebelum mata kamu berkedip." Dalam waktu yang kurang dari satu detik atau bahkan sepersepuluhnya, singgahsana itu sudah berada di depan Sulaiman.

Melihat singgahsana Balqis di depannya, Nabi Sulaiman berkata:

"Ini termasuk kurnia Tuhan untuk mengujiku apakah aku bersyukur atau mengingkari nikmat-Nya. dan barang siapa yang bersyukur maka sesungguhnya dia bersyukur untuk kebaikan dirinya sendiri dan barang siapa yang

Bersambung di m/s 3 >>>

<<< sambungan dari m/s 1

"Anak Adam, kamu mencari aku di merata-rata tempat tetapi kamu tidak menemuinya. Sepatutnya kamu akan menemukan aku pada dua perkara berikut iaitu mengamalkan kebaikan yang kamu ketahui dan meninggalkan keburukan yang kamu ketahui."

10. Nasihat Luqman berkenaan manfaat amal soleh Luqman berkata, "Amal soleh akan membebaskan seseorang yang melakukannya daripada tergelincir."
11. Nasihat Luqman berkenaan etika menjawab, menghadapi anak yatim dan menolong orang teraniaya
Luqman berkata, "Dengarkanlah orang yang sedang bertanya kepadamu sehingga selesai pertanyaannya. Selepas selesai, barulah kamu boleh menjawabnya dengan lemah lembut. Bersikaplah seperti seorang ayah yang penyayang kepada anak yatim. Tolonglah orang yang teraniaya, pasti kamu akan menjadi khalifah Allah di muka buminya."
12. Nasihat Luqman berkenaan pengkhianatan
Luqman berkata, "Janganlah kamu khianati orang yang berkhianat. Cukup sudah pengkhianatannya menjadi beban baginya."
13. Nasihat Luqman berkenaan berterima kasih
Luqman berkata, "Berterima kasihlah pada orang yang memberi sesuatu kepadamu dan berilah sesuatu kepada orang yang berterima kasih padamu."
14. Nasihat Luqman mengenai hidayah, akhlak dan bersendirian
Luqman berkata, "Hidayah adalah pemimpin

terbaik. Akhlak yang bagus adalah teman terbaik. Bersendirian lebih baik daripada mempunyai teman yang jahat."

15. Nasihat Luqman mengenai orang yang terlaknat
Luqman berkata, "Terlaknatlah orang yang melaknat ayahnya. Terlaknatlah orang yang melaknat ibunya. Terlaknatlah orang yang menghalangi jalan. Terlaknatlah orang yang menyesatkan orang buta dari jalan. Terlaknatlah orang yang menyembelih namun tidak menyebut nama Allah. Terlaknatlah pula orang yang mengubah tiang ukuran tanah."
16. Nasihat Luqman mengenai orang alim
Luqman berkata, Orang alim yang bijak pasti akan mengajak orang lain untuk belajar dengan diam dan berwibawa. Selain itu, orang alim yang bodoh akan mengusir orang lain yang ingin belajar dengan kata-kata yang tidak keharuan dan panjang lebar."
Luqman berkata, "Orang yang melihat aib dirinya sendiri maka dia akan melalaikan aib orang lain. Orang yang terlepas daripada pakaian takwa maka tidak ada sesuatu pun yang menutupinya. Orang yang menghunus pedang untuk menganiaya maka tangannya akan terpotong dengan pedang itu. Orang yang membuat lubang untuk saudaranya maka dia akan terjebak sendiri di dalamnya. Orang yang membuka aib orang lain maka aibnya sendiri yang akan terbuka. Orang yang lupa kesalahan dirinya sendiri maka dia akan selalu menganggap besar kesalahan orang lain. Orang yang memikul segala hal maka dia akan binasa."

Bersambung di minggu hadapan

ingkar, maka sesungguhnya Tuhanku Maha kaya lagi Maha mulia."

(An-Haml: 40)

5. Balqis Datang

Balqis datang ke Baitul Maqdis, Palestin. Dia berangkat dari Saba' yang terletak di Negeri Yaman. Di Baitul Maqdis dia disambut oleh Nabi Sulaiman dengan sambutan dan penghormatan yang luar biasa. Kemudian Nabi Sulaiman menanyakan tentang singgahsana Balqis.

Sebelum itu Sulaiman telah memerintahkan kepada para pembantunya untuk mengubah sedikit perhiasan luarnya. Nabi Sulaiman berkata: "Seperti inikah singgahsana kamu?" Kemiripan singgahsana yang luar biasa itu membuat Balqis berkata: "Sepertinya, ya." Jawabannya itu menunjukkan sedikitnya pengetahuan Balqis.

6. Balqis Masuk Islam

Nabi Sulaiman mengajak Balqis untuk memasuki ruangan istana. Lantai istana diperbuat daripada kaca dengan kolam berisikan ikan yang berenang di bawahnya. Balqis mengangkat kain yang menutup kedua betisnya, kerana dia fikir yang akan dilaluinya itu air. Sulaiman mengingatkan apa yang difikirnya air itu merupakan kemilau lantai yang diperbuat dari kaca.

Balqis tersipu malu dengan Nabi Sulaiman. Sudah berulang kali kebodohnya kelihatan di hadapan ilmu Nabi Sulaiman, kelemahannya di depan kekuatan Nabi Sulaiman dan kerendahannya di depan kekuasaan Nabi Sulaiman. Balqis tahu, semua itu merupakan anugerah dari Allah S.W.T.

Balqis berkata

'Ya Tuhanku, sesungguhnya aku telah berbuat zalim terhadap diriku dan aku berserah diri bersama Sulaiman kepada Allah S.W.T. Tuhan semesta alam.'

(An-Naml: 44)

7. Nabi Sulaiman a.s. Wafat

Setelah berkuasa selama bertahun-tahun, datang kepadanya Malaikat pencabut nyawa. Waktu itu, dia duduk di atas singgahsana dan dalam kemuliaan kekuasaannya. Lalu Malaikat mencabut nyawanya. Golongan manusia dan jin menyangka bahawa Nabi Sulaiman masih hidup kerana kelihatan masih dalam keadaan duduk. Oleh kerana itu, mereka tidak ada yang berani mendekatinya. Akhirnya sekelompok binatang rayap memakan bahagian bawah tongkat yang dijadikan pegangan Nabi Sulaiman. Akibatnya, Nabi Sulaiman a.s. jatuh ke bumi. Baru setelah itu, manusia dan jin yakin bahawa Nabi Sulaiman sudah meninggal.

NABI ZAKARIA A.S

ALLAH S.W.T. berfirman yang bermaksud:

"Dan (ingatlah kisah) Zakaria, tatkala ia menyeru Tuhannya, Ya Tuhanku janganlah Engkau membiarkan aku hidup seorang diri dan Engkaulah Waris yang paling baik, Maka Kami memperkenankan doanya dan Kami anugerahkan kepadanya Yahya dan Kami jadikan isterinya dapat mengandung. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang selalu bersegera dalam (mengerjakan) per-

Bersambung di m/s 4 >>>

Belajar Bahasa Arab

Bersama : Ustaz Haji Fazly bin Haji Yaacob

Pelajaran Tiga Ratus Sembilan Puluh Lima

هَيَّا نَذْهَبُ لِلنُّزْهَةِ

MARI KITA PERGI BERSIAR-SIAR

جوليا : مَاذَا تَفْعَلِينَ فِي الْمَسَاءِ يَا صُوفِيَا ؟

Julia: Apakah yang awak lakukan pada waktu petang wahai Sofa?

صوفيا : أَحِبُّ النَّزْهَةَ فِي الْحَدِيقَةِ.

Sofea: Saya suka bersiar-siar di taman.

جوليا : مَاذَا تَفْعَلِينَ فِي الْمَسَاءِ يَا صُوفِيَا ؟

Julia: Apakah yang awak buat di taman?

صوفيا : أَنَا أَتَنَزَّهُ وَأَمْشِي مُرْتَجِلًا.

Sofea: Saya bersiar-siar dan berjalan-jalan kaki.

المُعْجَمُ : Kamus

أَلْحَدِيقَةُ : taman;
أَمْشِي مُرْتَجِلًا : Saya berjalan-jalan kaki

أَتَنَزَّهُ : saya bersiar-siar

SIDANG REDAKSI

PENGERUSI

Y.A.B. Datuk Seri Hj. Mohd. Ali Bin Mohd. Rustam
(Ketua Menteri Melaka)

PENAUNG

Y.B Tuan Hj. Ghazale Bin Muhamad
(Timbalan Pengerusi MAIM)

PENASIHAT

Y. Bhg. Datuk Alias Bin Mad Saad
(Pegawai JAIM)

KETUA PENGARANG

Al-Fadil Tn. Hj. Mohammad
Bin Hashim Al-Hafiz
(Imam Besar Masjid Negeri Melaka)

EDITOR

Tuan Hj. Ab. Rashid Bin Ab. Rahman
(Bilal Satu)

PENGARANG

Ustaz Hasbullah Bin Selah @ Salim
(Imam Satu)

SIDANG PENGARANG

Ustaz Mohd. Amirudin Bin Ahmad
(Imam Dua)

Tuan Haji Yaacob Bin Abdul Majid
(Imam Rawatib)

Pn. Mahaniza Binti Mahat
(Pembantu Tadbir)

Ustaz Mohd Aidiel Bin Jaapar
(Noja)

Tuan Hj. Borhan Benjamin Bin Abdullah
(Penyambut Tetamu)

JADUAL KELAS PENGAJIAN MASJID AL-AZIM MELAKA

HARI/MASA	SUBUH	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
ISNIN		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Tn. Hj. Zakaria b. Lemat (Mustika Hadis)	
SELASA		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Fekah Datuk Wira Hj. Rashid Redza b. Md. Salleh	Pengajian Asas Taranum Tn. Hj. Ramli b. Dollah
RABU		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Fekah/Sirah Tn. Hj. Ali Umar	
KHAMIS		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Majlis Bacaan Yasin & Tahlil	
JUMAAT		2.30 Ptg. Fardu Ain Ust. Halimah		7.30 Mlm. Tauhid/Al-Quran Tuan Hj. Mohammad b. Hashim	Kelas Berzanji Tn. Hj. Abdul Latip b. Joned
SABTU	6.00 Pg. Kulia Subuh Tn. Hj. Abd. Rahim b. Khalik 8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak 8.30 pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Hadis Tn. Hj. Ibrahim b. Abdul Hamid	Kelas Bahasa Arab Ust. Fazly b. Hj. Yaacob
AHAD	6.00 Pg. Kulia Subuh Ustaz Shukeri Najib b. Ab. Rahim 8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak 10.00 Pg. Tafsir Datuk Hj. Idris Al-Hafiz 8.30 Pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Tafsir Tn. Hj. Abd. Rahim b. Chalik	

<< < sambungan dari m/s 3

buatan-perbuatan yang baik dan mereka berdoa kepada Kami dengan harap dan cemas. dan mereka adalah orang-orang yang khusyuk kepada Kami."

(Al-Anbiya': 89-90)

Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

"(Ingatlah), ketika Malaikat berkata, 'Hai Maryam, sesungguhnya Allah S.W.T. menggembirakan kamu (dengan kelahiran seorang putera yang diciptakan) dengan kalimat (yang datang) daripada-Nya, namanya al-Masih Isa putera Maryam, seorang terkemuka di dunia dan di akhirat dan termasuk orang-orang yang didekatkan (kepada Allah S.W.T.)

(Ali Imran: 45)

Kisah tentang Nabi Zakaria, Yahya dan Isa mempunyai perkaitan antara satu dengan yang lain. Mereka berada dalam masa yang sama. Nabi Zakaria adalah orang yang menanggung Maryam, ibu Isa. Yahya adalah putera Zakaria yang menyebarkan risalah bersama Isa sebagai Nabi yang memberi petunjuk dan mengajak pada kebaikan.

Doa Nabi Zakaria Menjelang Hari Tuanya

Zakaria adalah suami emak saudara Maryam. Sedangkan ibu Maryam adalah suami lelaki yang bernama Imran, salah seorang ulama Bani Israel. Setelah putus asa dalam waktu yang lama, ibunya Maryam men-

gandung dan bemazar bahawa anak yang ada dalam kandungannya menjadi hamba soleh dan berkhidmat di Baitul Maqdis. Imran meninggal dunia, sedangkan Maryam masih berada di dalam kandungan ibunya.

Setelah dilahirkan, ibunya berkata dengan nada kecewa: "Aku melahirkan seorang anak perempuan. Sebelumnya aku berharap mempunyai anak lelaki yang menjadi pelayan rumah Allah S.W.T." Ibu Maryam dijawab bahawa Allah S.W.T. menerima anak perempuan itu dan akan mendidiknya dengan baik.

Dalam keadaan seperti ini, Nabi Zakaria menjadi penanggung Maryam. Dia mengasuhnya dengan belaian kasih sayang. Setelah agak dewasa, Maryam menggunakan kebanyakan waktunya untuk taat dan beribadah kepada Allah S.W.T. Dia jarang sekali mengetahui urusan manusia, lebih-lebih lagi masalah dunia.

Bersambung di minggu hadapan

Pungutan Tabung Derma Masjid Al-Azim

6.2.2009 - RM 4,145.00

PERINGATAN :

SILA LETAKKAN RISALAH INI DI TEMPAT YANG SESUAI

Diterbitkan oleh : Masjid Al-Azim Negeri Melaka.
Rekabentuk berkomputer dan dicetak oleh : Percetakan Surya Sdn. Bhd.